

8



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh pengadu melalui segmen SMS Kosmo pada 03 Jun 2009.

Dimaklumkan bahawa, Perbadanan Putrajaya sememangnya memberi perhatian utama terhadap kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan sistem perkhidmatan bas NadiPutra termasuklah penyediaan perhentian bas. Selain pihak PPj, pemaju Putrajaya Holdings juga turut bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan perhentian bas di dalam kawasan Putrajaya ini.

PPj telah pun menyiapkan pembinaan beberapa perhentian bas di Presint 14 dan 16 yang terletak dibawah tanggungjawab kami. Selaku pemaju, Putrajaya Holdings pula bertanggung jawab untuk menyediakan sebahagian besar kemudahan ini termasuklah perhentian bas berdekatan Balai Bomba Presint 9 yang kini sedang dalam proses penyediaan rekabentuknya. Adalah dijangkakan pembinaan perhentian bas ini akan dimulakan dalam tempoh 3 bulan, mengambilkira proses tender yang akan dipanggil untuk pelaksanaan projek ini.

Difax pd 6/6/09 & 8/6/09  
@ 1150am.

SM/6/6/09

PPj menghargai keprihatinan pengadu berhubung perkara ini. Orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.



**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Jun 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013